

Kolej CD UMS bantu masyarakat desa

UB 14.3.2014 43

KUNAK: Kira-kira 65 siswa siswi Kolej Kediaman Cemerlang Dinamik (CD) Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini mengadakan Program Siswa Rintis Desa (SIRINTIS) di Kampung Lormalong, di sini.

Program yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (Jakmas) kolej itu bertujuan memberi peluang kepada siswa siswi UMS menyumbangkan bakti kepada penduduk di kawasan pedalaman melalui aktiviti kemasyarakatan.

Menurut Pengetua Kolej Kediaman CD Dr Mohamad Nizam Nazarudin, penglibatan siswa-siswi dalam program itu dapat meningkatkan kemahiran insaniah dalam diri mereka terutama daripada aspek kepimpinan serta kerjasama berpasukan.

Katanya, program

itu juga mampu memberi pengalaman kepada para peserta dalam mengurus dan mengendalikan sesebuah program sebagai persediaan mereka menghadapi tuntutan kerjaya yang lebih mencabar kelak.

Menyentuh mengenai program selama tiga hari itu, beliau berkata penganjurannya adalah melibatkan murid-murid Sekolah Kebangsaan Lormalong dan Sekolah Kebangsaan Madai dengan pelaksanaan pelbagai aktiviti yang mampu mengembangkan kemahiran berfikir.

“Aktiviti-aktiviti pada program ini juga dapat membantu pelajar-pelajar sekolah rendah berkenaan untuk menangani masalah pembelajaran di dalam bilik darjah dengan lebih berkesan, contohnya kesukaran dari segi menghafal pelajaran,” katanya.

Hadir sama pada program itu Pengarah Yayasan Sabah Datuk Sapawi Hj Ahmad.